

PENGINTEGRASIAN TMK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMASA LATIHAN PRAKTIKUM DALAM KALANGAN SISWA PENDIDIK

Aliza binti Adnan, Norijah binti Mohamed, Haslina binti Hassan, Junaidah binti Ahmad & Mohd Shaferi bin Mohamed Hassim*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aplikasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) yang digunakan semasa menjalani latihan praktikum di sekolah. Secara khususnya adalah untuk mengenal pasti sikap dan persepsi siswa pendidik terhadap kelebihan pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada 100 siswa pendidik Semester 8 Ambilan Jan 2012 dari pelbagai pengkhususan. Kesemua siswa pendidik telah mengikuti tiga fasa latihan praktikum di sekolah. Dapatan kajian mendapati majoriti siswa pendidik menggunakan aplikasi MS Word dan MS Powerpoint semasa latihan praktikum dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mengguna perisian aplikasi Adobe Photoshop dan Movie Maker. Tujuan utama siswa pendidik menggunakan TMK adalah untuk mendapatkan bahan PdP, menyediakan bahan bantu mengajar dan menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH). Hasil kajian juga mendapati siswa pendidik sangat setuju dengan penggunaan TMK yang dapat meningkatkan keupayaan murid belajar (45.8% , min 4.42), dapat meningkatkan akses sendiri murid (44.6% , min 4.32), dapat meningkatkan pembelajaran kolaboratif (43.4% , min 4.30) dan penggunaan TMK dapat membantu pembangunan kognitif murid (41% , min 4.34). Walaubagaimanapun, dapatan kajian mendapati hanya 32.5% (min 4.25) murid sangat bersetuju TMK menjadikan pembelajaran secara peribadi lebih mudah dan 27.7% (min 4.13) sangat setuju bahawa penggunaan TMK memberi peluang belajar yang sama rata.

Kata kunci: penggunaan TMK, latihan praktikum, kelebihan TMK

Abstract

This study aims to identify the application of Information and Communication Technology (ICT) during practical training in schools, particularly to identify the perception of teachers towards the advantages of ICT integration in teaching and learning (T&L). This study adopts a descriptive survey using questionnaires that were distributed to 100 Semester 8 Intake Jan 2012 teacher trainees from various specializations. All of the trainees have attended a three-phase practical training in school. The study found that the majority of trainees used MS Word and MS PowerPoint applications during their practical training and only a few used Adobe Photoshop and Movie Maker software applications. The main purpose for using ICT among trainees are to access T&L materials, prepare teaching aids and daily lesson plans. The study also found that trainees strongly agree that the use of ICT could improve learning ability of students (45.8% mean 4:42), improve students' self-access (44.6% mean 4:32), enhance collaborative learning (43.4%, mean 4.30) and aid cognitive development (41%, mean 4:34). However, the study found that only 32.5% (mean 4:25) students strongly agree that ICT makes learning easier and 27.7% (4:13 mean) strongly agree that the use of ICT provides equal learning opportunities.

Key words: ICT use, practical training, ICT advantages

*Email: Aliza_adnan@ipik.edu.my